

segala hari sudah tentu duduknya hari ketujuh.

B. Solat Jumaat hendaklah diamalkan pada hari yang ketujuh iaitu Sabtu.

C. Mentafsir perkataan *Amanu* pada ayat 9, surah *Al-Jum'ah* sebagai wajib sembahyang bagi laki-laki dan perempuan kerana mereka adalah orang beriman.

D. Menyatakan maksud solat Jumaat ialah berhimpun beramai-ramai melakukan amalan zikir / ratib iaitu dimulai dengan solat Maghrib, berselawat, berdoa dan disusuli dengan ratib Maghrib. Kemudian solat Isyak, berselawat, berdoa dan mengamalkan zikir Isyak. Selepas ini mengadakan perbincangan mengenai hal ehwal amalan mereka.

KEPUTUSAN FATWA

Amalan Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Tarikat Zikrullah Hasan Anak Rimau atau Ayah Pin di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH S.W.T.



AJARAN Tarikat Zikrullah Hassan Anak Rimau



(AYAH PIN)

Diterbitkan Oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR
Aras 7 & 8, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40080 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5514 3738 / 3712 / 3713 / 3715
<http://muftiselangor.gov.my>

LATAR BELAKANG

Nama sebenar Hasan bin Yaakob. Gelaran lain untuk beliau ialah Tok Yah Hasan, Pak Teh Hasan dan Pak Chu Hasan atau Hasan Anak Rimau. Dilahirkan di Kampung Bendang Pauh, Chetok, Pasir Mas, Kelantan dan menetap di Batu 13, Kampung Tenang, Jalan Kerawak, Hulu Besut, Terengganu.

Pengganti beliau ialah **Ayah Pin** (Ariffin bin Muhamad). Berasal dari Bukit Mas, Tanah Merah, Kelantan. Mempunyai empat orang isteri dan 21 orang anak. Ayah Pin menetap di Batu 13, Kampung Tenang, Jalan Kerawak, Hulu Besut, Terengganu dan disitulah dijadikan markas kumpulan Ratip Kuat.

Dua orang guru penyambung ajaran ini ialah Mohamad bin Ya dan Kamariah bt Ali. Mohamad bin Ya dilahirkan pada 11.8.1950 di Kampung Beah, Redang, Bachok, Kelantan. Isterinya pula Kamariah bt Ali dilahirkan pada

1.1.1951. Berasal dari Pasir Putih, Kelantan.

Bapa Muhamad ialah Haji Ya bin Haji Ali merupakan ketua ajaran berkenaan di Kampung Beah, Redang, Bachok, Kelantan

Ajaran ini dikesan pada tahun 1970-an di Kelantan, Terengganu, Perak dan Pahang. Pengikut keseluruhan dianggarkan 2,000 orang dan murid kanan ajaran ini ialah :

- i. Haji Ya bin Hj. Ali, Bachok, Kelantan.
- ii. Nik Halim, Gong Datok, Pasir Putih, Kelantan.
- iii. Yusof bin Awang, Kg. Tok Kah Dungun, Terengganu.
- iv. Sulaiman bin Takrib, Malim Nawar, Perak.

CIRI-CIRI KESALAHAN Hasan Anak Rimau dan Ayah Pin mendakwa bahawa:

1. Gurunya berada dimana-mana sahaja makhluk berada.
2. Guru adalah pemegang anak

kunci syurga.

3. Manusia adalah tuhan dan tuhan adalah manusia.
4. Tidak perlu percaya kepada Nabi Muhammad S.A.W.
5. Mendakwa dirinya tuhan.
6. Berkuasa melantik di kalangan muridnya sebagai Wali Allah dan menentukan darjat.
7. Di waktu solat dikehendaki mengingati guru terlebih dahulu sebelum mengingati Allah S.W.T.
8. Mendakwa diresapi roh Nabi Muhammad S.A.W..
9. Ratib dan Zikir selepas Maghrib, Isyak dan Subuh.

Mohamad Ya dan isteri mendakwa :

A. Hari Jumaat sebenarnya ialah hari Sabtu iaitu berhimpun segala hari dari hari Ahad hingga hari Sabtu. Berdasarkan surah Al Hadid dimana dikatakan Allah S.W.T mencipta dan menyempurnakan alam ini dalam masa enam hari, sedang hari Jumaat penghulu